

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JKP 313 – Institusi Politik**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

**BAHAGIAN A**

1. “Walaupun kita mengikut sistem Westminster iaitu tiada pemisahan nyata antara cabang perundangan dan eksekutif kerana ahli cabang eksekutif juga adalah dilantik dari kalangan anggota perundangan, tetapi ada pemisahan nyata antara kedua-dua cabang ini dan cabang kehakiman tidak seperti di Great Britain. Begitu juga sistem kita adalah lebih baik daripada Amerika Syarikat kerana di AS walaupun ada pemisahan antara kedua-dua cabang eksekutif dan perundangan dengan cabang kehakiman, tetapi di bawah Perlembagaan AS, Presiden mencalonkan hakim bagi menganggotai Mahkamah Agung, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Daerah Persekutuan yang kemudian memerlukan kelulusan cabang perundangan iaitu Dewan Senat bagi mengesahkannya” (Dr. Mohamad Khir Toyo, Menteri Besar Selangor, *Berita Harian*, 21 Julai 2004).

Bahaskan dakwaan Dr. Mohamad Khir Toyo bahawa sistem pemisahan kuasa di Malaysia lebih baik daripada sistem di Britain dan Amerika Syarikat.

(100 markah)

**BAHAGIAN B**

2. “Apabila negara anda mempunyai beberapa etnik utama dan wilayah yang berbeza-beza, sistem pemerintahan kerajaan persekutuan adalah satu-satunya cara yang dapat menyatukan kesemua itu” (John Howard, Perdana Menteri Australia, *Utusan Malaysia*, 15 April 2003).

Ulasakan pernyataan di atas berdasarkan teori sistem perwakilan.

(100 markah)

3. Huraikan tiga kaedah perundangan secara langsung. Bincangkan kesesuaian kaedah-kaedah tersebut sebagai alternatif kepada demokrasi berperwakilan.

(100 markah)

4. Perlukah institusi Perdana Menteri diubahsuai? Mengapa dan bagaimana?

(100 markah)

5. “Para hakim dan majistret, dalam melaksanakan fungsi kehakiman mereka mesti berbuat demikian tanpa kebimbangan atau kecenderungan (*without fear or favour*), sama ada dari saya atau pihak atasan atau anggota cabang kerajaan yang lain – perundangan dan eksekutif” (Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Ketua Hakim Negara, *New Straits Times*, 8 Oktober 2004).

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada pengalaman sebenar badan kehakiman di Malaysia dan sekurang-kurangnya sebuah negara lain.

(100 markah)